

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

PEMBIAYAAN PERIBADI-i PENYATUAN HUTANG

1. Apakah tujuan pembiayaan ini ditawarkan?

- Tujuan pembiayaan ini ditawarkan adalah untuk memberi peluang kepada pelanggan yang membuat Pembiayaan Peribadi-i Penyatuan Hutang untuk menikmati kadar diskaun keuntungan yang menarik.

2. Adakah jumlah penjelasan akaun di institusi kewangan lain/koperasi/syarikat kredit boleh diambil kira sekiranya jumlah tersebut merangkumi lebih daripada satu akaun?

- Boleh, dengan syarat keseluruhan jumlah tersebut adalah sekurang-kurangnya RM50,000 ke atas.

3. Berapakah kadar diskaun keuntungan dan tempoh pembiayaan diberikan?

- Kadar diskaun keuntungan yang diberikan untuk penyatuan hutang adalah di antara 0.10% - 1.20% dan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun, tertakluk pada terma dan syarat.

Sektor Pelanggan	Tempoh Pembiayaan	Kadar Diskaun
Awam	1 – 10 tahun	0.10% - 1.00%
Swasta		0.40% - 1.20%

Ilustrasi Pembiayaan :RM100,000

Tempoh Pembiayaan :10 tahun

Kadar semasa : 11.37% p.a. RM1,399

Kadar penyatuan hutang : 10.17% p.a. RM1,331

Penjimatan : RM68 sebulan atau RM8,160 untuk 10 tahun

4. Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk memohon pindahan baki?

- Dokumen yang diperlukan untuk memohon Pembiayaan Peribadi-i Penyatuan Hutang ialah MyKad, slip gaji dan penyata penjelasan institusi kewangan lain/

koperasi/syarikat kredit.

5. Apakah kelebihan Pembiayaan Peribadi-i Penyatuan Hutang?

- Ditawarkan kepada pelanggan yang menjelaskan pembiayaan daripada institusi kewangan luar, koperasi dan institusi kewangan berlesen
- Penjelasan minimum RM50,000
- Penjelasan pembiayaan boleh merangkumi lebih daripada satu akaun

6. Sekiranya saya ingin mengetahui produk ini dengan lebih lanjut dimanakah perlu saya rujuk?

- Maklumat lanjut, boleh diperoleh seperti berikut?
 - a) Mengunjungi cawangan Bank Rakyat berhampiran
 - b) Layari laman web Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my
 - c) Menghubungi pusat panggilan tele-Rakyat di talian 1300 80 5454